

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: 21 Mac 2017 15:37
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM JEJAK MATEMATIK: 51 PELAJAR SJK(C) MEYERTAI PERMAINAN BERCORAK MATEMATIK DI SQS



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

21 MAC 2017 /22 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PROGRAM JEJAK MATEMATIK: 51 PELAJAR SJK(C) MEYERTAI PERMAINAN BERCORAK MATEMATIK DI SQS



PPA UUM CAS ONLINE: Pada 17 Mac 2017 yang lepas, UUM telah menerima lawatan daripada tiga buah Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) di Alor Setar, iaitu SJK(C) Keat Hwa (K), SJK(C) Keat Hwa (S) dan SJK(C) Aik Min bagi menyertai program “Jejak Matematik Antara SKK-SJK(C) Negeri Kedah” di Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), UUM. Rombongan ini terdiri daripada 51 orang pelajar sekolah tahun 3 hingga 6 bersama 23 orang guru pengiring.

Program “Jejak Matematik Antara SKK-SJK(C) Negeri Kedah” merupakan satu aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh pihak SKK-SJK(C) dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains. Program tersebut bertujuan untuk memupuk minat pelajar-pelajar sekolah rendah dalam mata pelajaran Matematik dan seterusnya menambahbaik prestasi para pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Ia juga merupakan satu program jalinan SKK-SJK(C) dengan UUM dalam perkongsian ilmu, tenaga pakar dan prasarana.

Program ini telah dirasmikan oleh Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin, Timbalan Dekan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS). Dalam ucapannya, beliau berharap jaringan dan jalinan antara SKK-SJK(C) dan UUM dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada masa yang akan datang.

Program perasmian ini turut dihadiri oleh En. Lui Kin Chong, Guru Besar SJK(C) Keat Hwa (K); Pn. Lee Kim Suan, Guru Besar SJK(C) Keat Hwa (S); En. Wong Swee Wah, Guru Besar SJK(C) Aik Min; guru-guru penolong kanan dan para guru pengiring. Pihak PPA CAS telah melantik Dr. Teh Yuan Ying dan Dr. Ch'ng Chee Keong sebagai ketua fasilitator dan 14 orang fasilitator yang terdiri daripada mahasiswi SQS bagi mengendalikan program tersebut.

Sepanjang program tersebut, para pelajar telah menjalankan 4 aktiviti yang berbentuk permainan stesen (*station games*) bersama dengan para fasilitator. Para pelajar telah diberi peluang untuk menggunakan pengetahuan matematik yang dipelajari di sekolah dalam setiap permainan yang disediakan. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menitikberatkan unsur matematik, malah tidak mengabaikan kepentingan unsur psikomotor, komunikasi dan semangat berpasukan. Di samping itu, para guru pengiring turut berkesempatan untuk melawat Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM semasa para pelajar menjalankan aktiviti program di SQS.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel:cas-sadc@uum.edu.my
Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppaumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.